

EPISTEMOLOGI PRAKTIK BAHAN BANTU MENGAJAR NABAWI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mohammad Amir Wan Harun, Aminuddin Ruskam, Ahmad Syukran Baharuddin, Rashidah Othman, Mohd Ariff
Abdul Sarip

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300, Johor Bahru, Johor

**Corresponding author: wanmohammadamir@gmail.com*

Article history

Received: 2014-06-26

Received in revised form: 2015-02-18

Accepted: 2015-02-18

Abstract

The application of Teaching Aids (TA) is closely related to the success of teaching and learning process. This article discusses the Nabawi TA that had been practiced by Rasulullah p.b.u.h. to educate his companions r.a. until they became outstanding persons. The discussion concluded that Nabawi TA could be categorized to three sections; (a) TA from surrounding objects, which includes sketch and physical objects. (b) Teacher itself as TA, which includes teacher's solitariness as TA, teacher with other parties as TA and teacher's body parts as TA. (c) Students themselves as TA, which include student's solitariness as TA, imaginations as TA and student's body parts as TA. In conclusion, Nabawi TA should be recommended as a support for teachers to increase TA application level in schools.

Keywords: Teaching aids (TA), Nabawi, teaching and learning, practice, Rasulullah p.b.u.h.

Abstrak

Pengaplikasian Bahan bantu mengajar (BBM) sangat berkait rapat dengan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Artikel ini membincangkan BBM Nabawi yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mendidik para sahabatnya menjadi individu cemerlang. Perbincangan merumuskan bahawa BBM Nabawi boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu; (a) Objek di sekeliling sebagai BBM, ia merangkumi objek lakaran dan objek fizikal. (b) Guru sebagai BBM, ia merangkumi guru bersendirian sebagai BBM, guru bersama pihak lain sebagai BBM dan anggota badan guru sebagai BBM. (c) Pelajar sebagai BBM, ia merangkumi pelajar bersendirian sebagai BBM, imaginasi pelajar sebagai BBM dan anggota badan pelajar sebagai BBM. Kesimpulannya, BBM Nabawi ini perlu diketengahkan sebagai sokongan kepada guru dalam meningkatkan tahap penggunaan BBM di sekolah.

Kata kunci: Bahan bantu mengajar (BBM), Nabawi, pengajaran dan pembelajaran (P&P), praktik, Rasulullah s.a.w.

1.0 PENDAHULUAN

Bahan bantu mengajar (BBM) dan pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan dua perkara yang sangat berkait rapat. Pengajaran merupakan interaksi antara dua atau pelbagai pihak dengan tujuan memberitahu serta mempengaruhi audien atau pelajar dengan sesuatu maklumat (Kamarudin, 1988). Maka menjadi tugas seorang pengajar untuk memberitahu serta mempengaruhi pelajarannya dengan ilmu yang di sampaikan. Bahan bantu mengajar pula merupakan instrumen sokongan dalam pengajaran yang merangkumi segala bentuk peralatan dan kelengkapan yang boleh digunakan oleh guru untuk membantu dalam memberitahu serta mempengaruhi pelajarannya dengan sesuatu maklumat (Musa Sulaiman, 1999).

Instrumen BBM telah berkembang dari semasa ke semasa selaras dengan kemajuan fikiran, kehendak dan teknologi. Bermula daripada instrumen yang mudah seperti papan tulis dan kapur, seterusnya berkembang kepada bahan elektronik seperti komputer, overhead projector (OHP), kamera, video, internet dan teknologi lain yang terdapat di dalam bilik darjah (Mohd Izham & Noraini, 2007). Namun kajian-kajian semasa mendapati pengaplikasian BBM di sekolah masih di tahap rendah. Keadaan ini dipengaruhi pelbagai faktor, antara yang utama adalah kesukaran pengendalian dan kebolehcapaian guru terhadap BBM terutamanya BBM elektronik (Norzainariah, 2004). Sebagai usaha ke arah mengatasi masalah tersebut, BBM Nabawi yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. perlu diketengahkan sebagai sokongan kepada guru dalam menjayakan P&P di dalam kelas.

2.0 KEPENTINGAN BBM DALAM PROSES P&P

BBM merupakan antara faktor penting yang perlu dititikberatkan dalam menjayakan proses P&P. Menurut Ikhsan & Norila (2005) dan Sang & Mee (1986), keberkesanan penerimaan P&P yang dijana oleh deria pandang adalah sebanyak 75%, deria dengar 13%, deria sentuh 6%, deria rasa 3% dan deria bau 3%. Manakala dari sudut bertentangan, kegagalan mengaplikasikan BBM ketika proses P&P akan menyebabkan pelajar menjadi jemu serta bosan terhadap pembelajaran akibat daripada cara penyampaian yang sama setiap hari (Abdul Rasid, 2011). Rutin guru yang hanya masuk ke kelas setiap hari lalu menghuraikan sahaja fakta sesuatu subjek secara terperinci sehingga tamat waktu akan menyebabkan suasana pembelajaran menjadi suram dan mengantuk (Abdillah, 2009), keadaan ini jika berlarutan akan mengurangkan minat serta motivasi pelajar untuk menerima maklumat terutamanya yang bersifat kompleks yang memerlukan konsentrasi yang tinggi (Che Zanariah & Fadzilah, 2011).

Berdasarkan kepada pelbagai kajian dan pandangan yang diutarakan oleh para sarjana, dirumuskan 11 kepentingan serta fungsi BBM dalam proses P&P seperti berikut:

1. Membantu meningkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran (Abdillah, 2009; Cathy, 2009; Che Zanariah & Fadzilah, 2011; Grimes & Willey, 1990; Kamarudin, 1988; Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman, 2008; Nur Ashikin & Qomarul Shukur, 2010; Rahina, Jurusan Seni, & FBS Unnes, 2007);
2. Membentuk suasana P&P yang dapat merangsang minat dan motivasi guru serta pelajar (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010; Abdillah, 2009; Abdul Rasid, 2011; Abdul Rasid, Shamsudin, & Humaizah, 2012; Charlie, 2008; Che Zanariah & Fadzilah, 2011; Kamarudin, 1988; Rahina et al., 2007; Sini & Mahmud, 1983);
3. Meningkatkan keberkesanan P&P kepada guru dan pelajar (Abdul Rasid et al., 2012; Charlie, 2008; Che Zanariah & Fadzilah, 2011; Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman, 2008);
4. Mengukuhkan interaksi guru dengan pelajar, seterusnya mencetuskan tindak balas terhadap penerimaan maklumat (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010; Abdul Rasid, 2011; Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman, 2008; Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010);
5. Menyalurkan maklumat kepada pelajar dengan lebih jelas dan bersistematik (Charlie, 2008; Norzainariah, 2004);
6. Merangsang deria penerimaan maklumat pelajar (Jamaluddin & Zaitun, 2003; Sang & Mee, 1986);
7. Mengelakkan pelajar daripada cepat bosan dan penat semasa proses pembelajaran sedang berlangsung (Abdul Rasid, 2011);
8. Mengatasi pelbagai masalah berkaitan kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman (Norzainariah, 2004);

9. Meminimumkan masa penyampaian dan penerimaan maklumat daripada guru kepada pelajar (Mok, 1991);
10. Instrumen yang dapat mewakili sesuatu yang tidak dapat disampaikan melalui perkataan sahaja (Rahina et al., 2007); dan
11. Menyediakan pengalaman baru yang tidak diperolehi dengan menggunakan cara-cara lain (Kamarudin, 1988).

Rumusan ini menzahirkan bahawa pengaplikasian BBM amat penting semasa proses P&P. Namun begitu, terdapat pelbagai halangan dan cabaran yang dihadapi oleh para guru dalam pelaksanaannya di sekolah yang perlu di ambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh pihak-pihak berkaitan.

3.0 HALANGAN DAN CABARAN DALAM PENGAPLIKASIAN BBM DI SEKOLAH

Pengaplikasian BBM yang efektif dalam menyampaikan ilmu dan maklumat berdepan pelbagai halangan dan cabaran. Kajian-kajian semasa yang dijalankan mendapati pengaplikasian BBM di kalangan guru masih di tahap yang rendah (Nik Mohd Rahimi & Kamarulzaman, 2008) serta belum dilaksanakan secara maksimum (Kamarul Azmi et al., 2011). Di antara halangan dan cabaran yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut:

1. BBM yang disediakan adalah terhad atau tidak mencukupi (Charlie, 2008; Norzainariah, 2004);
2. BBM yang disediakan tidak mesra pengguna kerana kebanyakan BBM disimpan di tempat khas yang memerlukan tempahan awal serta kebenaran untuk menggunakannya (Norzainariah, 2004);
3. BBM tertentu yang tidak disediakan oleh pihak sekolah menuntut guru mengeluarkan wang ringgit, hal ini menghadkan penginovasian BBM secara berterusan daripada guru (Kamarul Azmi et al., 2011; Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010);
4. Penyediaan BBM yang pelbagai serta kreatif menuntut usaha tambahan serta komitmen berterusan daripada guru, hal ini menambahkan beban guru yang telah sedia terbeban dengan pelbagai tugas kurikulum dan kokurikulum yang lain (Kamarul Azmi et al., 2011);
5. Kekurangan pengetahuan dalam mengendalikan BBM semasa P&P terutamanya melibatkan alatan elektronik seperti radio, televisyen, komputer dan internet (Che Zanariah & Fadzilah, 2011; Siti Fatimah & Ab. Halim, 2010); dan
6. Kesukaran menentukan jenis BBM yang bersesuaian dalam P&P (Charlie, 2008).

Halangan dan cabaran ini perlu diambil perhatian dan dilakukan tindakan sewajarnya agar BBM dapat diaplikasikan secara komprehensif dan efektif dalam meningkatkan keberkesanan P&P di sekolah. Menyedari akan kepentingan BBM serta cabaran dalam perlaksanaannya, suatu mekanisme sokongan perlu didedahkan kepada para pendidik dalam menjayakan proses P&P dengan berkesan.

4.0 BBM NABAWI

BBM merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru dan pelajar untuk membantu dalam penyampaian dan pemahaman maklumat. Bahan tersebut bukan terhad kepada buku-buku teks, papan hitam, dan gambar-gambar sahaja, tetapi ia meliputi kesemua benda dan objek yang digunakan dalam P&P yang melibatkan penggunaan visual, audio dan sentuhan (Che Zanariah & Fadzilah, 2011). BBM pada masa kini boleh dikelaskan kepada tiga kategori (Kamarul Azmi et al., 2011; Norzainariah, 2004):

1. BBM elektronik seperti filem, *overhead projector* (OHP), radio, komputer, internet dan televisyen;
2. BBM bukan elektronik seperti gambar, carta, model, surat khabar, papan hitam, kad-kad imbasan, majalah dan jurnal; dan
3. Bahan bercorak pengalaman seperti lakonan, lawatan dan pameran.

Berdasarkan analisis terhadap hadis-hadis berkaitan P&P yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w., didapati bahawa BBM Nabawi boleh dikelaskan kepada tiga kategori seperti berikut:

1. Objek di sekeliling sebagai BBM;
2. Guru sebagai BBM; dan

3. Pelajar sebagai BBM.

Ketiga-tiga bentuk BBM yang dipraktikkan dalam pengajaran yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w ini mempunyai kesignifikannya tersendiri kerana ia dilihat dapat menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan, mudah, memberikan kefahaman jitu terhadap maklumat yang disampaikan, menarik perhatian penerima maklumat terhadap apa yang hendak disampaikan, mengukuhkan maklumat yang difahami ke dalam minda, serta meringkaskan perkataan agar mudah dihafal (al-Shalhub, 2009).

4.1 BBM Nabawi 1: Objek Di Sekeliling Sebagai BBM

Rasulullah s.a.w. sebagai guru sering kali memanfaatkan objek-objek yang terdapat di sekelilingnya untuk menyampaikan sesuatu ilmu. Objek-objek yang telah digunakan Oleh Rasulullah s.a.w. merangkumi objek lakaran dan objek fizikal.

i. *Objek Lakaran*


Penggunaan objek lakaran sebagai BBM merupakan kaedah yang mudah dipraktikkan dalam menyampaikan maklumat dengan berkesan (Abdul Rasid et al., 2012). Dari segi keberkesanannya dalam penyampaian P&P adalah sehingga 88% kerana ia melibatkan deria berkaitan visual serta audio (Ikhsan & Norila, 2005). Penggunaan objek lakaran oleh Rasulullah sebagai BBM dapat dilihat melalui hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud r.a:

“Rasulullah s.a.w telah melukis satu garisan segi empat, lalu melukis pula garisan tegak di tengah-tengahnya sehingga terkeluar dari segi empat tersebut, kemudian baginda s.a.w melukis pula garis-garis kecil melintang ke arah garisan tengah, sesudah itu baginda s.a.w bersabda sambil menunjuk: “Ini adalah manusia (ruang di dalam segiempat), dan ini adalah ajal yang mengelilinginya (garisan segi empat), dan garisan tengah yang keluar dari segi empat ini adalah angan-angannya, dan garisan-garis kecil ini adalah rintangan-rintangan di dalam kehidupannya, sekiranya dia melepasi satu sengatan ini dia akan disengat pada yang berikutnya, dan sekiranya dia melepasi sengatan ini dia akan disengat pada berikutnya”.

(al-Bukhari, 2002: 5938)

Contoh ilustrasi BBM Nabawi objek lakaran rujuk di rajah 1 Dalam konteks sistem pendidikan kini, BBM objek lakaran juga telah dipraktikkan secara meluas melalui medium eletronik dan bukan eletronik seperti filem, OHP, komputer, televisyen, gambar, carta, model, surat khabar, papan hitam/putih, kad-kad imbasan, majalah dan jurnal.

Rajah 1: Ilustrasi contoh BBM Nabawi Objek Lakaran



ii. **Objek Fizikal**

Penggunaan objek fizikal sebagai BBM mempunyai keberkesanan penyampaian P&P sehingga 100% kerana ia melibatkan gabungan kesemua atau sebahagian besar deria berkaitan visual, audio, sentuhan, bau dan rasa (Ikhsan & Norila, 2005). Rasulullah s.a.w turut menggunakan pelbagai objek fizikal untuk memberi kefahaman jitu serta mendalam terhadap ilmu yang disampaikan. Kebijaksanaan Rasulullah s.a.w dalam mengaplikasi objek fizikal sebagai BBM dapat dilihat melalui pemilihan objek yang mudah diperolehi tetapi mempunyai keberkesanan tinggi dalam memberi kefahaman. Antara objek yang telah digunakan adalah ranting pokok, bangkai kambing serta mimbar.

1. Ranting Pokok

Rasulullah s.a.w telah menggunakan ranting pokok yang terdapat daun-daun kering sebagai BBM untuk menyampaikan kefahaman tentang kelebihan ucapan zikir seperti mana yang diriwayatkan oleh Anas r.a:

“Bahawa suatu ketika Nabi s.a.w melalui sepohon pokok yang terdapat pada rantingnya daun-daun yang kering, lalu baginda s.a.w memukulnya dengan tongkat, maka berguguran daun-daun pokok tersebut. Lalu baginda s.a.w bersabda: “Sesungguhnya ucapan alhamdulillah, subhanallah, lailahailallah dan allahuakbar akan menggugurkan dosa-dosa hamba seperti mana bergugurannya daun-daun dari ranting pokok ini”.
(al-Tirmizi, 1997: 3533)

2. Bangkai Kambing

Rasulullah s.a.w telah menggunakan bangkai kambing untuk menyampaikan kefahaman tentang nilai dunia ini di sisi Allah S.W.T. seperti mana yang diriwayatkan oleh Sahl bin Saad r.a:

“Suatu ketika Rasulullah s.a.w melalui bangkai seekor kambing lalu bertanya: “Adakah kamu berpendapat bahawa bangkai kambing ini hina pada pandangan pemiliknya?” Para sahabat menjawab: Kerana ia sesuatu yang hinalah pemiliknya membuangnya di sini. Lantas baginda s.a.w bersabda: “Demi nyawaku ditangannya, sesungguhnya dunia ini lebih hina di sisi Allah daripada kehinaan bangkai kambing ini di sisi pemiliknya, dan sekiranya nilai dunia ini menyamai nilai sebelah sayap nyamuk, nescaya Allah tidak akan memberi kepada orang kafir walaupun seteguk air”.
(al-Hakim, 1990: 7847)

3. Mimbar

Rasulullah s.a.w menggunakan mimbar sebagai BBM dengan bersolat di atasnya agar para sahabat r.a. dapat melihat dengan jelas setiap kedudukan dan pergerakan setiap anggota Rasulullah s.a.w. ketika solat (al-Nawawi, 1972). Peristiwa ini seperti yang diriwayatkan oleh Sahl bin Saad r.a:

“Aku melihat nabi s.a.w berdiri di atas mimbar, baginda s.a.w bertakbir dan para sahabat bertakbir mengikutinya di belakang sedang baginda s.a.w berada di atas mimbar. Kemudian baginda s.a.w ruku’, kemudian baginda s.a.w berundur turun untuk sujud di kaki mimbar, kemudian baginda mengulangnya sehinggalah akhir solat. Selepas itu baginda s.a.w berpaling kepada ahli jemaah seraya berkata: “Wahai manusia, sesungguhnya aku melakukan demikian adalah untuk kamu mengikutiku lantas kamu dapat mempelajari solat yang aku kerjakan”.

(Muslim, 1998: 847)

Penggunaan objek fizikal yang terdapat di sekeliling sebagai BBM adalah mudah didapati, tidak melibatkan kos dan tidak melibatkan usaha tenaga yang banyak. Selain itu ia juga bersifat lebih realiti berbanding lakaran objek serta menimbulkan lebih tarikan terhadap subjek pembelajaran.

4.2 **BBM Nabawi 2: Guru Sebagai BBM**

BBM Nabawi ini memperlihatkan kecantikan proses P&P Rasulullah s.a.w sebagai guru dalam mendidik para sahabatnya (Abdullah, 2000). Rasulullah s.a.w telah melibatkan dirinya secara langsung sebagai BBM untuk mengukuhkan kefahaman terhadap ilmu yang disampaikan. Bentuk BBM Nabawi yang telah dikenal pasti adalah guru bersendirian sebagai sebagai BBM, guru bersama pihak lain sebagai BBM dan anggota badan guru sebagai BBM.

iii. *Guru Bersendirian Sebagai BBM*

BBM Nabawi ini memperlihatkan guru bertindak berseorangan sebagai BBM dalam proses P&P. Rasulullah s.a.w sebagai guru terbaik telah menunjukkan contoh terpuji apabila mengajarkan cara-cara solat kepada para sahabat r.a., baginda s.a.w sendiri bersolat dan menyuruh para sahabat baginda melihat baginda menunaikan solat (Muslim, 1998: 847). Contoh lain penglibatan Rasulullah s.a.w sebagai BBM adalah ketika pengajaran cara berwuduk seperti yang diriwayatkan oleh 'Amru bin Shuaib daripada ayahnya dari datuknya berkata:

“Bahawa suatu ketika telah datang seorang lelaki kepada baginda s.a.w dan bertanya: Wahai Rasulullah s.a.w, bagaimanakah cara bersuci (wuduk)? Maka baginda s.a.w telah meminta sebekas air, lalu membasuh tapak tangannya tiga kali, kemudian membasuh wajah baginda s.a.w tiga kali, kemudian membasuh tangannya hingga ke siku tiga kali, kemudian menyapu kepalanya, lalu memasukkan dua jari telunjuknya ke dalam dua lubang telinga, dan menyapu belakang dua telinga dengan dua ibu jari dan menyapu dalam telinga dengan dua jari telunjuknya, kemudian baginda s.a.w membasuh dua kakinya tiga kali seraya bersabda: “Beginilah wuduk, sesiapa yang melebihi dari ini atau kurang, maka dia telah berlaku zalim”.

(Abu Daud, 2003: 152)

iv. *Guru Bersama Pihak Lain Sebagai BBM*

BBM Nabawi ini memerlukan guru disokong oleh pihak lain ketika bertindak sebagai BBM. Rasulullah s.a.w pernah dibantu oleh malaikat Jibril semasa menyampaikan kefahaman kepada para sahabat tentang Islam, Iman, Ihsan dan tanda-tanda hari kiamat. Peristiwa ini diriwayatkan dalam hadis yang panjang oleh 'Umar al-Khattab r.a:

“Suatu hari ketika kami sedang bersama Rasulullah s.a.w, tiba-tiba muncul seorang lelaki yang berpakaian sangat putih, dan rambutnya sangat hitam, tidak terdapat kesan kotoran seperti orang yang di dalam musafir, sedangkan tidak seorang pun di antara kami mengenalinya. Lalu lelaki itu duduk di hadapan nabi s.a.w dan menyandarkan lututnya kepada lutut baginda s.a.w serta meletakkan kedua tangannya di atas kedua peha baginda s.a.w seraya bertanya: ‘Wahai Muhammad, beritahulah kepadaku berkenaan Islam. Rasulullah s.a.w bersabda: Islam itu adalah kamu bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan Muhammad itu pesuruhnya, dan kamu mengerjakan solat, menunaikan zakat dan kamu mengerjakan haji ke baitullah sekiranya mampu’. Lelaki itu berkata: ‘Kamu benar’. ‘Umar r.a berkata: ‘Kami hairan kepadanya, dia bertanya dan dia membenarkannya’.

Lelaki itu bertanya lagi: ‘Beritahu kepadaku tentang Iman?’. Baginda s.a.w menjawab: ‘Kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikaynya, kitab-kitabnya, rasul-rasulnya, hari kiamat dan ketentuan yang baik juga buruk’. Lelaki itu berkata: ‘Kamu benar’.

Lalu dia bertanya lagi: ‘Beritahuku tentang Ihsan?’. Baginda s.a.w bersabda: ‘Kamu menyembah Allah seakan-akan kamu melihatnya, sekiranya kamu tidak mampu berbuat demikian, maka beribadatlah seolah-olah dia melihat kamu’.

Lelaki itu bertanya lagi: ‘Khabarkan kepadaku tentang hari kiamat?’ Baginda s.a.w bersabda: ‘Orang yang bertanya adalah lebih mengetahuinya daripada yang ditanya’. Lelaki itu bertanya lagi: ‘Ceritakan kepadaku tentang tanda-tandanya?’ Rasulullah s.a.w bersabda: ‘Apabila seorang ibu melahirkan majikannya, dan kamu melihat orang-orang yang tidak berkasut, tidak berpakaian, tidak berharta, pengembala-pengembala kambing mereka itu saling berlumba-lumba meniggikan bangunan’.

‘Umar berkata: ‘Kemudian lelaki itu beredar, dan aku masih duduk di situ’. Kemudian nabi s.a.w bertanya kepadaku: ‘Wahai ‘Umar, adakah kamu mengetahui siapakah yang bertanya tadi?’ Aku menjawab: ‘Sesungguhnya Allah dan rasulnya lebih mengetahui’. Lantas Rasulullah s.a.w bersabda: ‘Lelaki itu adalah Jibril a.s yang datang untuk mengajarkan kepada kamu akan agama kamu’.

(al-Bukhari, 2002: 50)

v. **Anggota Badan Guru Sebagai BBM**

Kedua ini memperlihatkan guru memanfaatkan anggota badannya yang tertentu sebagai BBM dalam menyampaikan ilmu. Antara bentuk BBM Nabawi anggota badan yang telah dikenal pasti adalah penggunaan tangan, jari, ekspresi wajah serta perubahan kedudukan anggota badan.

1. Kedua tangan dan jari

Rasulullah s.a.w telah menggunakan genggaman silangan jari tangan kanan dan kiri bagi memberi gambaran dan kefahaman tentang keteguhan dan kekuatan hubungan sesama Mukmin. Hal ini diriwayatkan oleh Abu Musa al-Ash'ari r.a:

“Rasulullah s.a.w bersabda: “Seorang mukmin itu dengan mukmin yang lain adalah seperti bangunan yang kukuh di mana mereka saling memperkuat di antara satu sama lain, kemudian baginda s.a.w menyelitkan jari-jarinya di tangan kanan dengan tangan kiri”
(al-Bukhari, 2002: 2446)

2. Jari tunjuk dan jari tengah

Rasulullah s.a.w telah menggunakan jari telunjuk dan jari tengahnya bagi memberi gambaran dan penjelasan tentang hampirnya kedudukan penjaga anak yatim dengan baginda s.a.w di dalam syurga. Peristiwa ini diriwayatkan oleh Sahl bin Sa'ad r.a:

“Rasulullah s.a.w bersabda: “Aku dan penjaga anak yatim di dalam syurga adalah seperti dua ini” – Rasulullah s.a.w menunjukkan dua jarinya iaitu jari telunjuk dan jari tengah yang diregangkan sedikit- .
(al-Bukhari, 2002: 5304)

3. Ekspresi wajah

Ekspresi wajah merupakan elemen yang dapat memberikan kesan tambahan terhadap kefahaman ilmu berkaitan larangan atau suruhan. Manakala dalam sesetengah situasi, memadai dengan menunjukkan ekspresi wajah kerana ia lebih memberi kesan berbanding perkataan (al-Shalhub, 2009). Rasulullah s.a.w akan menunjukkan ekspresi wajah yang tidak menyenangkan ketika menegur perbuatan-perbuatan yang salah, dan begitu sebaliknya. Diriwayatkan oleh Aisyah r.a:

“Suatu ketika Rasulullah s.a.w telah masuk ke dalam rumah dan beliau telah mendapati terdapat tirai yang mengandungi gambar-gambar, maka telah berubah air muka baginda s.a.w, lalu baginda s.a.w mengambil tirai tersebut lalu mengoyaknya, seraya berkata: “Orang yang paling berat seksaannya di hari akhirat nanti adalah orang yang menghasilkan gambaran-gambaran ini”.

(al-Bukhari, 2002: 6109)

4. Lidah

Rasulullah s.a.w. telah memegang lidahnya ketika menjelaskan tentang bahaya lidah, hal ini seperti yang diriwayatkan oleh Sufyan bin Abdullah al-Saqofi r.a.:

“Aku telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w tentang perkara yang aku perlu berpegang teguh dengannya? Jawab baginda s.a.w: “Katakanlah tuhanku adalah Allah kemudian berpegang teguhlah dengannya”. Aku bertanya lagi: Wahai Rasulullah s.a.w, apakah yang paling engkau takuti terhadapku? Maka Rasulullah s.a.w memegang lidahnya lalu berkata: “Ini”

(Ibnu Majah, 1998: 3972)

5. Perubahan Kedudukan Anggota Badan

Apabila Rasulullah s.a.w menyampaikan pengajaran serta ingin memberi penekanan terhadap sesuatu perkara terpenting dari yang lain-lainnya, baginda s.a.w. akan mengubah kedudukannya ketika menyebut perkara tersebut. Hal ini dilihat agar para sahabat r.a menyedari akan kepentingannya serta memberi lebih perhatian terhadap perkara tersebut. Diriwayatkan dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah, daripada ayahnya r.a.:

“Rasulullah s.a.w pernah bersabda kepada sahabat-sahabatnya: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu perbuatan yang termasuk di dalam dosa-dosa besar?” Kami menjawab: Ya Rasulullah s.a.w., khabarkanlah kepada kami. Lalu baginda s.a.w bersabda: “Mensyirikkan Allah, menderhakai kedua ibubapa - Ketika itu Rasulullah s.a.w sedang berdiri, kemudian baginda s.a.w duduk lantas menyambung - Ketahuilah ia adalah perkataan yang dusta dan penyaksian yang dusta, ketahuilah ia adalah perkataan yang dusta dan penyaksian yang dusta”. Rasulullah s.a.w berulang kali menyebutnya sehingga aku menyangka baginda s.a.w tidak akan berhenti.

(al-Bukhari, 2002: 2654)

BBM Nabawi guru sebagai BBM memperlihatkan kebijaksanaan Rasulullah s.a.w. berinteraksi dengan ilmu yang disampaikannya. Praktik ini dapat membantu menambahkan kefahaman (al-Nawawi, 1972) serta memberikan lebih keberkesanan terhadap ilmu yang disampaikan berbanding penggunaan perkataan semata-mata (al-Shalhub, 2009).

4.3 BBM Nabawi 3: Pelajar Sebagai BBM

Kaedah lain dalam mempraktikkan penggunaan BBM dengan lebih berkesan adalah dengan melibatkan secara langsung pelajar sebagai BBM di dalam proses P&P. Rasulullah s.a.w juga telah melibatkan para sahabat r.a. secara langsung sebagai BBM dalam penyampaian ilmu. Antara bentuk BBM Nabawi yang telah dikenal pasti adalah pelajar bersendirian sebagai BBM, imaginasi pelajar sebagai BBM dan anggota badan pelajar sebagai BBM.

vi. Pelajar Bersendirian Sebagai BBM

BBM Nabawi ini dilihat dapat mencetuskan minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran. Hal ini dibuktikan melalui peristiwa yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

“Suatu ketika nabi s.a.w masuk ke dalam masjid, kemudian masuk pula seorang lelaki ke dalam masjid lalu bersolat. Kemudian dia datang memberi salam kepada baginda s.a.w, baginda s.a.w membalas salam tersebut lalu berkata: “Solatlah kembali sesungguhnya kamu belum bersolat”, lelaki itu kembali bersolat seperti mana dia bersolat sebelum itu. Kemudian dia mendatangi nabi s.a.w dan mengucapkan salam. Baginda s.a.w menjawab seraya berkata: “Solatlah kembali kerana kamu belum bersolat”. Kejadian itu berulang buat kali ketiga sehinggalah dia berkata: Demi yang mengutuskanmu dengan kebenaran! Aku tidak tahu memperelokkan solatku melebihi ini, ajarkanlah aku. Lalu baginda s.a.w bersabda: “Apabila kamu berdiri untuk bersolat, bertakbirlah, kemudian bacalah ayat dari al-Quran apa yang mudah bagimu, kemudian ruku’lah sehingga tetap ruku’mu, kemudian bangunlah sehingga berdiri, kemudian sujudlah sehingga tetap sujudmu, kemudian duduklah sehingga tetap dudukmu, dan lakukanlah demikian sehingga selesai solatmu”.

(al-Bukhari, 2002: 757)

vii. Metafora Sebagai BBM

Penggunaan metafora adalah bentuk BBM yang mudah dipraktikkan oleh guru dalam penyampaian ilmu. Rasulullah s.a.w ketika menyampaikan ilmu tentang fadilat solat lima waktu dalam menghapuskan dosa telah meminta para sahabatnya untuk mengimajinasikan keadaan kebersihan seseorang yang mandi di sungai sebanyak lima kali sehari. Peristiwa ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.:

“Rasulullah s.a.w bersabda: Apakah pandangan kamu sekiranya terdapat sebatang sungai di hadapan rumah seorang kamu di mana dia mandi di dalamnya sehari lima kali, adakah masih berbaki kotoran di badannya?” Para sahabat menjawab: Pasti tidak akan tertinggal kotoran di badannya. Rasulullah s.a.w bersabda: “Begitulah perumpamaan solat lima waktu, Allah taala akan mengampunkan dengannya akan dosa-dosa”.

(al-Bukhari, 2002: 528)

viii. **Anggota Badan Pelajar Sebagai BBM**

BBM Nabawi yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. turut melibatkan sentuhan terhadap anggota tubuh pelajar ketika menyampaikan ilmu. Sentuhan digunakan agar pelajar tidak leka serta menyedari kepentingan ilmu yang hendak disampaikan kepada. Peristiwa ini seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.:

“Suatu ketika Nabi s.a.w bertanya: Siapakah dikalangan umatku yang boleh mengambil lima perkara lalu mengamalkan atau dia mengajarkannya kepada orang yang akan mengamalkannya?. Abu Hurairah r.a menjawab: Saya ya Rasulullah s.a.w. Lalu baginda s.a.w memegang tanganku dan mula menghitung lima perkara tersebut seraya berkata: “Hindarilah perkara-perkara yang diharamkan, nescaya kamu akan menjadi hamba yang paling baik, dan redhalah dengan apa yang Allah kurniakan kepadamu nescaya kamu akan menjadi manusia yang paling kaya, dan berbuat baiklah kepada jiranmu nescaya kamu akan menjadi seorang mukmin, dan cintailah manusia sepertimana kamu mencintai dirimu nescaya kamu akan menjadi seorang muslim, dan janganlah kamu banyak ketawa kerana ia akan mematikan hati”.


(al-Tirmizi, 1997: 2305)

Penglibatan pelajar secara langsung sebagai BBM dalam P&P dapat memudahkan penerimaan maklumat serta kefahaman kerana mereka mengalaminya sendiri sama ada dalam bentuk praktikal, imaginasi atau sentuhan.

5.0 MODEL BBM NABAWI

Berdasarkan BBM Nabawi yang telah dihuraikan, satu model BBM Nabawi dibentuk bagi memberi gambaran menyeluruh mengenainya. Struktur model adalah seperti di rajah 2. Merujuk kepada struktur model BBM Nabawi, teras utama yang terkandung adalah (a) objek disekeliling sebagai BBM, (b) guru sebagai BBM dan (c) Pelajar sebagai BBM. Teras-teras ini boleh dipraktikkan secara bersendirian atau secara gabungan sebahagian atau kesemuanya.

Rajah 2: Model BBM Nabawi



6.0 KESIMPULAN

Artikel kajian ini telah membincangkan tentang kepentingan BBM dalam proses P&P, halangan dan cabaran dalam pengaplikasian BBM di sekolah serta BBM Nabawi yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam mendidik para sahabatnya sehingga menjadi individu cemerlang. Justeru, hasil daripada kajian kepustakaan ini perlu diketengahkan kepada para guru sebagai sokongan dalam mengatasi halangan dan cabaran bagi mengaplikasikan BBM sedia ada.

RUJUKAN

- Ab. Halim, T., & Mohamad Khairul Azman, A. (2010). "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim." *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abdillah, N. A. (2009). Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat-Ayat yang Mengandungi Perkataan Gabungan Tiga Suku Kata Terbuka Kv + Kv + Kv. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL, Institut Pendidikan Guru Kampung batu Lintang.
- Abdul Rasid, J. (2011). "Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Abdul Rasid, J., Shamsudin, O., & Humaizah, H. (2012). "Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 129-140.
- Abdullah, A. R. (2000). *Taisir al-'Alam sharh 'Umdah al-Ahkām*. Beirut: Dār Ṣōdir.
- Abu Daud, S. a.-S. n. (2003). *Sunan Abi Dāud (2 ed.)*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashar wa al-Tauzi'.
- al-Bukhari, M. b. I. (2002). *al-Jāmi' al-Ṣoḥiḥ*. Beirut: Dār Tūq al-Najāh.
- al-Hakim, M. b. A. a.-N. b. (1990). *al-Mustadrok 'alā al-Ṣoḥiḥain*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Y. b. S. (1972). *al-Minhāj Sharḥ Ṣoḥiḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā' Turāth al-'Arabi.
- al-Shalhub, F. A. A. (2009). *al-Mu'allim al-Awwal Sollallahu Alaihi Wasallam*. Beirut: Markaz al-Risālah li al-Nashar wa al-Tauzi'.
- al-Tirmizi, A. I. M. b. I. (1997). *Sunan al-Tirmidhi*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif Li al-Nashar wa al-Tauzi'.
- Cathy, J. (2009). Kaedah Sebut, Eja dan Bunyikan. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL, Institut Pendidikan Guru Kambung Batu Lintang.
- Charlie, A. U. (2008). "Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian." *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 8, 84-97.
- Che Zanariah, C. H., & Fadzilah, A. R. (2011). "Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah." *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Grimes, W. P., & Willey, T. E. (1990). "The Effectiveness of Microcomputer Simulatinos in Teaching." *Journal of Computer Education*, 32(2), 51-59.
- Ibnu Majah, M. b. Y. a.-Q. (1998). *Sunan Ibnu Mājah*. Beirut: Dār al-Jail.
- Ikhsan, O., & Norila, M. S. (2005). *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah: Aspek-aspek yang Berkaitan*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Jamaluddin, h., & Zaitun, T. (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarudin, H. (1988). *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa (Edisi Baru), Siri Pendidikan Perguruan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Kamarul Azmi, J., Mohd Faez, I., Ab. Halim, T., & Mohd Izham, M. H. (2011). "Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di malaysia." *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59-74.
- Mohd Izham, M. H., & Noraini, A. (2007). "Tahap Kesian Guru Sains dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran." *Jurnal Teknologi*, 46, 45-60. doi: <http://dx.doi.org/10.11113/jt.v46.307>
- Mok, S. S. (1991). *Pedagogi 2 : Strategi Pengajaran dan Pengajaran Mikro*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Muslim, H. (1998). *Ṣoḥiḥ Muslim*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dauliyyah.
- Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Kamarulzaman, A. G. (2008). "Penggunaan Alat Bantu Mengajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Kemahiran Mendengar Bahasa Arab." *Jurnal Teknologi*, 49, 141-154. doi: <http://dx.doi.org/10.11113/jt.v49.215>

- Norzainariah, A. H. (2004). Kebolegunaan Kit Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Meningkatkan Prestasi Pelajar: Satu Tinjauan di KUITTHO. (Sarjana), Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, Melaka.
- Nur Ashikin, O., & Qomarul Shukur, M. T. (2010). “Āthār al-Internet wa al-Waṣāiṭ al-Muta’addidah ‘Ala al-Ṭolabah al-Mumtāzin.” *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 35-42.
- Rahina, N., Jurusan Seni, R., & FBS Unnes. (2007). “Media Pembelajaran Berbasis Visual Berbentuk Permainan Ular Tangga Untuk Meningkatkan Kualitas Belajar Mengajar di Sekolah Dasar.” *Lembaran Ilmu Pendidikan*, 36(1), 35-44.
- Sang, M. S., & Mee, L. S. (1986). *Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Tahap I, Siri Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia Sdn. Bhd.
- Sini, N. M. A. A., & Mahmud, M. a.-T. H. (1983). *al-Arabiyyah li al-Nashi'in*. Arab Saudi: Kementerian al-Ma’ārif.
- Siti Fatimah, A., & Ab. Halim, T. (2010). “Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF.” *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.